

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MUHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
DUN [BEAUFORT] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk
meningkatkan taraf liputan internet bagi kawasan-kawasan luar bandar
khususnya di Sabah.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat khususnya di kawasan luar bandar menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.
2. Antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang sedang dilaksanakan di Sabah pada masa ini adalah seperti berikut:-
 - a. pembinaan 65 menara baharu bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G. Daripada jumlah ini, sebanyak 55 menara komunikasi baharu yang sedang dibina adalah khusus untuk kawasan luar bandar. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021; dan
 - b. menaik taraf sebanyak lima (5) alat pemancar komunikasi di menara sedia ada di Sabah kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G yang dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya menjelang suku pertama 2021 termasuklah satu (1) alat pemancar sedang dinaiktaraf di kawasan luar bandar Sabah.
3. Pada masa yang sama, Kementerian dan SKMM juga sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri dan pelbagai agensi Kerajaan untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar.